

28 JUN 2003

Abdullah-Umno (Bergambar)

ABDULLAH MAHU SEMUA PEMIMPIN YANG DILANTIK DISOKONG

JEMPOL, 28 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua pemimpin dan anggota Umno supaya memberikan sokongan padu kepada pemimpin yang dilantik selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berundur pada Oktober ini.

Beliau berkata sokongan semua pemimpin dan peringkat akar umbi adalah penting bagi memastikan Umno terus kekal stabil, kuat dan kukuh sebagai sebuah parti yang menjadi tunjang kepada Barisan Nasional (BN).

"Umno adalah sebuah parti yang bertanggungjawab dan menjadi tulang belakang dalam BN, (jadi) hendaklah terlebih dahulu pastikan, apabila Dr Mahathir secara rasminya mengundurkan diri dan pemimpin baru dilantik, mereka mestilah disokong supaya Umno terus stabil, kuat dan kukuh," katanya berucap pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Felda Raja Alias II, Bandar Seri Jempol di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri Datuk Lilah Yassin dan Pengerusi Felda Tan Sri Yusof Noor.

Majlis itu turut dihadiri lebih 5,000 penduduk dan peneroka Felda di kawasan berkenaan.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata ramai yang membuat andaian apabila Dr Mahathir mengundurkan diri, negara akan kelam kabut dan orang Umno berkelahi dan berebut jawatan dan ekonomi menjadi tidak stabil.

"Umno adalah satu parti yang lama, banyak pengalaman dan akan terus memastikan kestabilan dan keamanan untuk meneruskan kemajuan.

"Inilah janji pemimpin Umno pada Perhimpunan Agung Umno yang lepas untuk memastikan parti terus selamat, teguh dan berpengaruh, juga memberi keyakinan kepada parti lain dalam komponen BN untuk terus yakin kepada Umno," katanya.

Beliau berkata dalam Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), lebih 10,000 orang termasuk ramai pemerhati politik dari luar negara yang datang untuk mendengar dan melihat sendiri proses peralihan pucuk pimpinan parti.

"Semua mereka tahu tak ada parti politik yang mengadakan mesyuaratnya disaksikan oleh lebih 10,000 orang yang hadir. Umno membuktikan inilah parti yang membuat keputusan untuk kepentingan semua rakyat," katanya.

-- BERNAMA

APG SBS PR